

## Memorandum

Ruj. Kami : BJIM/hebahan/umum Jld.1

Tarikh : 29 Ogos 2024

Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan/ Penyelaras  
Pusat Pengajian/ Pusat/ Jabatan/ Unit  
Universiti Sains Malaysia  
Kampus Induk

**Bangunan Canselor**  
(Chancellery Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel : 04-6533888  
[www.usm.my](http://www.usm.my)

YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 61 TAHUN 2024: PERKHIDMATAN BAS RAPID PENANG DI KAMPUS USM –LALUAN T301

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Universiti Sains Malaysia bersama pihak Rapid Penang telah memperkenalkan laluan Khas Bas Rapid bagi sektor USM-Bukit Jambul-Queensbay Mall mulai 02 Mei 2024 menerusi Kod laluan bas bernombor T301 di USM.

3. Perkhidmatan ini merupakan salah satu inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh pihak USM kepada warga USM terutamanya kepada para pelajar bagi kemudahan tambahan dan alternatif kepada kemudahan yang tersedia di kampus. Lanjutan dari itu dalam memastikan elemen kelestarian dapat diteruskan di USM, dengan ini pihak universiti menggesa dan menggalakkan warga staf USM untuk bersama-sama menggunakan perkhidmatan awam yang telah tersedia di universiti kita. Saranan ini ada selari dengan agenda kelestarian Universiti dalam menjadikan kampus yang rendah jejak karbon dengan meminimumkan penggunaan kenderaan bermotor di dalam kampus. Oleh itu warga staf USM digalakkan menggunakan kenderaan awam ini untuk pergi dan balik dari bertugas.

4. Informasi berkaitan dengan Perkhidmatan Bas Rapid T301 seperti dilampirkan. Bagi memastikan kemudahan ini lebih signifikan dan memberi impak terbaik kepada kedua pihak-pihak. Pihak Rapid Penang menawarkan Kad Khas Bas iaitu Pas Mutiara MY50 kepada warga staf USM pas bulanan ini membolehkan staf menikmati kemudahan tanpa had pada setiap bulan. Kaunter khas Penjualan Pas Khas ini akan di buka khas untuk warga staf USM adalah seperti berikut :

**Tarikh : 10 & 11 September 2024 (Selasa & Rabu)**

**Tempat : Foyer Bangunan Eureka, USM**

**Masa : 9.30 Pagi- 4.30 Petang**

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 61 TAHUN 2024:  
PERKHIDMATAN BAS RAPID PENANG DI KAMPUS USM –LALUAN T301**

---

5. Para warga staf di pelawa untuk merebut peluang terbaik ini. Jika terdapat sebarang pertanyaan atau rujukan mengenai urusan ini pihak tuan/puan boleh merujuk kepada Encik Mohd Faizal Md Osman, Timbalan Pendaftar BJIM ditalian 6633 atau 013-5350011 atau emel [mfaizal@usm.my](mailto:mfaizal@usm.my).

Segala perhatian, tindakan serta kerjasama dalam urusan pemerkasaan kelestarian dan kesejahteraan kampus ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD AZIZUDIN MOHD SHARIFF)  
Pendaftar  
s.k Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Penyelaras Kampus Sejahtera

Pegawai Tadbir PTJ

Pegawai Kelestarian PTJ

## LAMPIRAN A

**rapidPenang**  
subsidiary of prasarana

**Perkhidmatan Percubaan**  
**LALUAN T310**  
Bermula dari 2 Mei - 31 Julai 2024

**USM - Bukit Jambul - Queensbay Mall**

**Jalan Universiti Padang Kawad USM**  
**Mula** (Yellow circle) — **Ahir** (Red circle)

The route map shows the following stops:

- Persiaran Sains Desasiswa Bakti Permai
- Jalan Mahasiswa Pusat Farmasi USM
- Lengkok Sastera Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
- Jalan Universiti Desasiswa Fajar Harapan
- Jalan Bukit Gambir
- Jalan Pekaka 1 Taman Pekaka
- Jalan Sungai Dua SRJK Keong Hoe
- Lengkok Nipah Taman Lip Sin
- Jalan Universiti Desasiswa Fajar Harapan
- Jalan Masjid Masjid Al-Malik Khalid
- Jalan Sungai Dua Terminal Ekspres Sg. Nibong
- Jalan Aziz Ibrahim Taman Pantai Jerejak
- Persiaran Bayan Indah Queensbay Mall
- Lebuhraya Sungai Nibong
- Jalan Tun Dr. Awang Kompleks Bukit Jambul
- Jalan Bukit Gambir Taman Bukit Jambul

**Informasi Perkhidmatan**

Waktu Operasi	6.00 pagi - 10.30 malam
Kekerapan	20 - 30 minit
Tambang	RM1.20 - RM2.10

**myrapid PULSE**  
Imbas untuk memudahkan perjalanan anda.

\* Bergantung kepada keadaan lalu lintas semasa.

#JomNaikBas